

Siswa UMS tabur bakti di Kampung Mesilou

KUNDASANG: Persatuan Mahasiswa Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial, Universiti Malaysia Sabah (UMS) melaksanakan program khidmat komuniti Selautan Budi Setitis Bakti di Kampung Mesilou di sini, baru-baru ini.

Program kali kedua selama tiga hari dua malam itu adalah kesinambungan aktiviti persatuan itu di kampung sama kira-kira setahun lalu.

Penyelaras program merangkap Pensyarah Program Kerja Sosial UMS, Peter Voo, berkata aktiviti itu bertujuan menjalinkan hubungan erat antara pelajar UMS dengan penduduk Kampung Mesilou.

"Program itu sekali gus memberi pendedahan kepada pelajar terhadap kepelbagaian dalam latihan kerja sosial dan komuniti," katanya di

sini, semalam.

Program membabitkan lebih 40 pelajar tahun akhir Program Kerja Sosial UMS dan mendapat sambutan baik penduduk kampung.

Voo berkata, selama ini pelajar hanya didedahkan dengan teori latihan kerja komuniti tetapi apabila kegiatan dilaksanakan secara amali, mereka berpeluang

“Program itu sekali gus memberi pendedahan kepada pelajar terhadap kepelbagaian dalam latihan kerja sosial dan komuniti”

Peter Voo
Pensyarah Program
Kerja Sosial UMS

mengaplikasikan apa yang dipelajari selama ini.

"Pendekatan itu juga bertepatan sebagai usaha mempromosi pembabitan langsung kami dalam kerja kemasyarakatan," katanya.

Voo berkata, pelajar juga berkesempatan mempelajari aspek kepemimpinan dalam organisasi komuniti kampung, selain bertukar pendapat dalam menyelesaikan permasalahan.

Sementara itu, wakil penduduk Kampung Mesilou, Sukaibin Sumail, berkata mereka menerima baik kehadiran pelajar UMS yang datang menjalankan kerja sosial di kampung itu.

"Bukan selalu kami menerima kedatangan tetamu yang mahu bergotong-royong di kampung kami dan ini adalah satu penghormatan bagi kami di pedalaman ini," katanya.



PELAJAR UMS mengadakan perlawanan bola tampar persahabatan dengan belia Mesilou, Kundasang.